



# Check Point 2: **RESCUE**



*22 April 2017 (Sabtu)*  
*Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah*



## SYARAT-SYARAT AM

---

1. Peserta mestilah terdiri daripada anggota PISPA Politeknik yang berdaftar.
2. Setiap pasukan terdiri daripada lima ( 5 ) orang anggota. (*Anggota yang telah dipilih untuk menjalankan tugas menyelamat*)
3. Penyertaan adalah terbuka kepada lelaki atau perempuan.
4. Kad perlantikan anggota hendaklah dibawa bersama untuk pemeriksaan dan pengesahan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan sebelum hari pertandingan.
5. Setiap peserta yang mengambil bahagian hendaklah mempunyai **tahap kecergasan** yang baik dan memuaskan. Sebarang kecederaan dan kemalangan akibat kecuaiannya peserta adalah di bawah tanggungjawab sendiri.
6. Pakaian pertandingan adalah **pakaian seragam Angkatan Pertahanan Awam No. 4**.
7. Nama peserta hendaklah diisi dan didaftarkan bersama-sama borang kesihatan. (borang penyertaan adalah seperti di **Lampiran 'A'** dan borang kesihatan seperti di **Lampiran 'B'** ).
8. Aturcara dan gerak kerja adalah sebagaimana gambarajah di **lampiran C** dan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.
9. **Aspek penilaian ujian pertandingan ini dinilai berdasarkan kepada teknik-teknik menyelamat yang betul dan tahap keselamatan semasa melakukan kerja-kerja menyelamat.**
10. Peserta hendaklah memakai PPE yang lengkap seperti mana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan.
11. **Semua peserta hendaklah menggunakan peralatan yang disediakan oleh jawatankuasa pertandingan SAHAJA** .Senarai peralatan yang disediakan adalah seperti berikut :
  - a. Basket Stretcher                      1 unit
  - b. Patung Dummy 40 kg                1 unit
  - c. Helmet                                    5 unit
  - d. Glove                                      5 pasang
  - e. Body line                                4 unit
12. Borang penyertaan dan Borang Kesihatan hendaklah diserahkan semasa sesi taklimat sebelum pertandingan.



## PERATURAN

---

1. Pertandingan dijalankan mengikut undian nombor giliran yang akan dibuat sebelum hari pertandingan.
2. Hanya pengadil dan peserta sahaja dibenarkan berada di tempat pertandingan.
3. Setiap pasukan yang bertanding dikehendaki memakai PPE yang disediakan oleh jawatankuasa pertandingan.
4. PPE pertandingan adalah seperti berikut :
  - a. Helmet menyelamatkan
  - b. Glove menyelamatkan
5. Masa mula dan tamat ujian akan dikira selepas peserta selesai melapor (wisel dibunyikan).
6. Pengadil dan pemerhati akan ditempatkan di sekitar kawasan pertandingan bagi tujuan mengadili dan menentukan keselamatan peserta yang bertanding.
7. Penalti masa akan diberikan kepada pasukan yang bertanding jika terdapat campur tangan dari pihak luar (jurulatih/ tenaga pengajar politeknik).
8. Keputusan jawatankuasa pertandingan adalah muktamad.

**Catatan : \* Setiap kumpulan diberi masa maksimum selama 10 minit.**

## GERAK KERJA PERTANDINGAN

BIL	GERAK KERJA	CATATAN
1.	Memakai helmet dan glove penyelamat	Masa mula diambil selepas ketua melapor. (keluar baris)
2.	Pergerakan pasukan semasa melapor (kawad statik) <ul style="list-style-type: none"> <li>Penyelamat berbaris dalam satu barisan/senang diri/sedia/lapor.</li> </ul>	
3.	Bahasa Hukuman melapor <ul style="list-style-type: none"> <li>Bahasa hukuman melapor dengan betul dan jelas.</li> <li>"Assalamualaikum/selamat pagi/petang tuan. Pasukan PISPA Politeknik ..... Lapor kekuatan seramai 5 kali anggota siap untuk diuji tuan. Minta kebenaran menjalankan tugas tuan". Terima kasih tuan.</li> </ul>	
4.	Mengambil peralatan usungan <ul style="list-style-type: none"> <li>Basket Stretcher x 1</li> <li>Tali x 4 (20' ke atas)</li> </ul>	
5.	Menuju ke arah mangsa (dummy 40 kg)	
6.	Bahasa Hukuman <ul style="list-style-type: none"> <li>Ketua akan mengarahkan tiga orang anggota melutut di sisi mangsa.</li> <li>Seorang penyelamat berteriak "up" dan "down" semasa mengangkat dan meletak mangsa di atas Basket Stretcher.</li> </ul>	Teknik mengangkat mangsa ke usungan
7.	Gerak kerja <ul style="list-style-type: none"> <li>Penyelamat No. 1, No. 2, dan No. 3 melutut di sisi mangsa secara serentak.</li> <li>Penyelamat No. 4 melutut setentang dengan tiga orang penyelamat dan mengiringkan badan mangsa ke arahnya.</li> <li>Tiga orang penyelamat akan menghulur tangan di bawah badan mangsa dan mangsa dibaringkan pada kedudukan asal.</li> <li>Bila berteriak "up" mangsa di angkat dan di sokong dengan lutut</li> </ul>	

	<p>oleh tiga orang penyelamat.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelamat No. 4 bersama ketua membawa Basket Stretcher ke sisi mangsa.</li> <li>• Penyelamat No. 4 akan berteriak “down” dan mangsa akan diletakkan di dalam Basket Stretcher.</li> </ul>	
8.	<p>Ikatan dan simpulan pada Basket Stretcher</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ikatan yang digunakan adalah simpul Tindih Kasih (Bowline).</li> <li>• Ikatan tersebut diikat pada hujung pemegang (Bahagian kaki &amp; kepala) Basket Stretcher</li> <li>• Ikatan pada tubuh mangsa adalah menggunakan tali yang telah tersedia di Basket Stretcher. (Penyelamat perlu klip sahaja dan kemaskan tali tersebut)</li> </ul>	Mengikat mangsa di Basket Stretcher
9.	<p>Bahasa hukuman</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua mengarahkan 3 orang penyelamat untuk mengikat / klip tali pada tubuh mangsa.</li> <li>• Ketua mengarahkan 4 orang penyelamat untuk mengikat tali sepanjang 20 kaki pada hujung pemegang Basket Stretcher dengan simpulan Tindih Kasih (Bowline).</li> <li>• Penyelamat akan berteriak “ Clip siap ” apabila selesai membuat ikatan / klip pada Basket Stretcher.</li> <li>• Penyelamat akan berteriak “ Bowline siap “ apabila selesai membuat ikatan pada hujung Basket Stretcher.</li> </ul>	
10.	<p>Gerak kerja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelamat No. 1, No. 2, dan No. 3 perlu mengikat / klip tali keselamatan yang disediakan di Basket Stretcher pada mangsa. Apabila telah selesai penyelamat perlu berteriak “ Klip Siap “.</li> <li>• Penyelamat No. 1, No. 2, No. 3, dan No. 4 akan membuat simpulan Tindih Kasih (Bowline) pada pemegang Basket Stretcher. Ikatan tersebut mestilah kukuh, betul dan kemas. Apabila selesai, setiap penyelamat perlu berteriak “ Bowline Siap “</li> </ul>	Mengikat mangsa di Basket Stretcher

## HALANGAN 1

BIL	GERAK KERJA	CATATAN
1.	Membawa mangsa dengan usungan ke halangan 1. Pastikan kedudukan mangsa berada dalam keadaan yang betul.	Halangan menyeberangi tali air (Longkang kecil).
2.	Setibanya di halangan 1, dengan menggunakan teknik yang betul mangsa perlu dibawa menyeberangi tali air dengan berhati-hati. Semasa mengharugi tali air tersebut, pastikan kedudukan mangsa berada dalam keadaan yang betul.	
3.	Setelah selesai melalui halangan 1, penyelamat perlu ke halangan 2.	

## HALANGAN 2

BIL	GERAK KERJA	CATATAN
1.	Setibanya di halangan 2, usungan perlu diturunkan dari tebing tinggi dengan menggunakan teknik 2 sudut. Mangsa perlu diturunkan secara perlahan – lahan dan berhati – hati.	Halangan menurunkan mangsa dari tebing tinggi.
2.	Setelah selesai menurunkan mangsa, pasukan perlu bergerak menuju ke torowong dan melepasi halangan tersebut. Semasa melalui anak tangga, pastikan kedudukan mangsa berada dalam keadaan yang betul.	
3.	Setelah selesai melalui halangan 2, pasukan perlu membawa mangsa ke halangan 3.	

## HALANGAN 3

BIL	GERAK KERJA	CATATAN
1.	Setibanya di halangan 3, mangsa perlu dinaikkan dari tebing tinggi dengan menggunakan teknik 2 sudut.	Halangan menaikkan mangsa dari tebing tinggi.
2.	Semasa menaikkan mangsa dengan teknik 2 sudut, pastikan kedudukan mangsa berada dalam keadaan yang betul. Naikkan mangsa dengan perlahan – lahan dan berhati – hati.	
3.	Setelah selesai menaikkan mangsa, pasukan perlu membawa mangsa ke garisan penamat untuk tujuan melapor selesai tugas.	

## LAPOR SELESAI

BIL	GERAK KERJA	CATATAN
1.	Pasukan penyelamat membawa usungan ke garisan penamat.	Wisel tamat dibunyikan setelah pasukan keluar baris.
2.	Pasukan penyelamat meletakkan usungan di garisan penamat dan meletakkan PPE di tempat yang disediakan.	
3.	Pergerakan pasukan semasa melapor (kawad statik) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelamat berbaris dalam satu barisan/senang diri/sedia/lapor.</li> </ul>	
4.	Bahasa Hukuman melapor <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa hukuman melapor dengan betul dan jelas.</li> <li>• “ Assalammualaikum/Selamat pagi/petang tuan. Pasukan PISPA Politeknik ..... Selesai menjalani ujian tuan. Minta kebenaran menjalankan tugas yang lain tuan ”. Terima kasih tuan.</li> </ul>	
5.	Pergerakan pasukan keluar selepas melapor <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keluar baris</li> </ul>	

MELAPOR MULA  
MEMAKAI PPE & AMBIL  
PERALATAN

TUGASAN : MENGIKAT  
MANGSA & MEMBUAT IKATAN  
DI USUNGAN

HALANGAN 1  
(MENNYEBERANGI TALI AIR)

**1**  
MULA



## RAJAH GERAK KERJA CP USUNGAN & HALANGAN

**4**

BERGERAK  
KE CP  
SETERUSNYA



LAPOR SELESAI  
(PENALTI MASA JIKA ADA)

HALANGAN 3  
(HALANGAN TEMBOK TINGGI)

HALANGAN 2  
(HALANGAN TEROWONG)